SIM CHEE YONG & SATU LAGI A

lwn.

PP

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA B
AHMAD MAAROP HMR
MOHAMED APANDI ALI HMR
BALIA YUSOF H
[RAYUAN JENAYAH NO: W-05-140-2009]
2 JUN 2011 C

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1) - Mengedar 3321.7 gram ketamine - Rayuan terhadap sabitan dan hukuman - Kes prima facie - Sama ada terbukti - Sama ada perayu kedua terlibat walaupun beliau hanya pemandu kereta - Sama ada perayu pertama dan perayu kedua bersefahaman dan mempunyai peranan dalam menyempurnakan 'transaksi' - Niat bersama - Sama ada dibuktikan - Sama ada hakim bicara gagal mempertimbangkan kes pembelaan - Sama ada inferen hakim bicara bahawa dadah untuk diedarkan bertepatan* D E

Kedua-dua tertuduh (perayu) telah dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan mengedar dadah berbahaya dengan niat bersama, iaitu satu kesalahan di bawah s. 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952. Menurut pihak pendakwaan, pada 2 Mei 2008, jam 1 pagi, SP5, yang mengetuai sepasukan anggota polis, telah melihat sebuah kereta Toyota Wish yang dipandu oleh perayu kedua dan perayu pertama duduk di kerusi penumpang hadapan, berhenti berhampiran Bangunan KFC dan Pizza Hut di Metro Prima Kepong. Sebuah kereta Proton Perdana yang dinaiki oleh dua orang lelaki kemudiannya berhenti di belakang kereta Toyota Wish tersebut. Perayu pertama kelihatan berjalan menuju ke arah Proton Perdana, di mana perayu pertama telah mengambil sesuatu dari penumpang di dalam Proton Perdana tersebut melalui cermin pintu penumpang hadapan kereta yang telah diturunkan. Perayu pertama kemudiannya telah berjalan balik ke arah kereta Toyota Wish dengan membawa satu beg plastik warna putih hitam di tangannya, sambil kereta Proton Perdana tersebut berundur dan beredar dari situ. SP5 seterusnya mengarahkan serbuan dibuat dan berjaya menahan kereta Toyota Wish tersebut bersama kedua-dua perayu, tetapi gagal menahan kereta Proton Perdana tersebut. Dalam pemeriksaan yang dijalankan ke atas kereta Toyota Wish F G H I

tersebut, SP5 telah menjumpai satu beg plastik yang mengandungi empat bungkusan plastik yang mana setelah dibuka salah satu, mengandungi serbuk putih. Hasil analisa yang dijalankan oleh SP3 menunjukkan bahawa serbuk putih di dalam kesemua empat bungkusan plastik lutsinar tersebut mengandungi dadah jenis Ketamine dengan berat bersih 3321.7 gram. Di akhir perbicaraan, mahkamah telah memutuskan bahawa kedua-dua tertuduh adalah bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang dikenakan dan telah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Kedua-dua perayu telah merayu dan mengemukakan alasan-alasan ini (i) tidak terdapat kes *prima facie* terhadap perayu kedua kerana beliau hanya merupakan pemandu kereta Toyota Wish tersebut dan dikatakan tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang kandungan beg plastik tersebut dan langsung tiada apa kaitan dengannya; (ii) tiada keterangan bagi menunjukkan bahawa kedua-dua perayu mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan beg plastik berkenaan; (iii) tiada keterangan mengenai niat bersama di antara kedua-dua perayu; (iv) hakim bicara telah gagal mempertimbangkan kes pembelaan sepenuhnya dan (v) bahawa inferen yang dibuat oleh hakim bicara bahawa dadah tersebut adalah untuk diedarkan dan bukan untuk kegunaan kedua-dua perayu sendiri setelah menerima pakai anggapan tentang pengetahuan di bawah s. 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah tidak adil.

Diputuskan (menolak rayuan kedua-dua perayu; mengesahkan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan)
Oleh Balia Yusof H menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Perayu kedua telah memandu kereta Toyota Wish tersebut ke tempat tersebut dan telah menunggu di dalam kereta berkenaan dengan enjin yang tidak dimatikan. Ini adalah antara faktor-faktor bagi menunjukkan bahawa di antara perayu kedua dengan perayu pertama terdapat persefahaman. Ini adalah inferensi yang sangat bertepatan dengan keadaan. Perayu kedua tidak merupakan semata-mata sebagai pemandu kereta tersebut, jauh sekali sebagai 'passive driver'. Hakim bicara betul apabila menolak dakwaan perayu kedua sebagai tidak terlibat di dalam kes ini. (perenggan 10)

(2) Keterangan yang dikemukakan jelas menunjukkan bahawa perayu pertama telah mengambil beg plastik yang berisi dadah tersebut dari kereta Proton Perdana dan membawanya ke dalam kereta Toyota Wish di mana perayu kedua sedang siap

sedia menunggu. Perayu pertama telah dilihat secara fizikal membawa beg plastik tersebut dan mempunyai jagaan dan kawalan terhadapnya. Tidak terdapat apa-apa kecacatan tentang penemuan dan dapatan yang telah diputuskan oleh hakim bicara. Hakim bicara berkenaan telah dengan secara bertepatan menggunapakai anggapan di bawah s. 37(d) berkaitan dengan pengetahuan. (perenggan 14 & 16)

(3) Kedua-dua perayu telah bertindak "in concert" dalam menyempurnakan "transaksi" dadah tersebut. Keterangan pihak pendakwaan berkenaan dengan pemerhatian yang dilakukan menunjukkan kedua-dua perayu mempunyai peranannya masing-masing dalam menyempurnakan "transaksi" tersebut. Mengambil kira keseluruhan fakta dan keadaan kes berserta dengan tingkah laku, niat bersama di antara kedua-dua mereka telah dibuktikan. Hakim bicara telah membuat inferen yang tepat daripada fakta, keadaan keseluruhan serta tingkah laku kedua-dua perayu dalam mencapai keputusan terdapatnya niat bersama di antara mereka. (perenggan 19)

(4) Hakim bicara telah menimbangkan pembelaan perayu-perayu dengan keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan mengikut prinsip yang diasaskan di dalam kes *Mat v. PP*. Penolakan keterangan pembelaan oleh hakim bicara telah dibuat setelah menilai, menimbang dan menguji keterangan-keterangan tersebut dengan kriteria-kriteria yang relevan. (perenggan 21 & 25)

(5) Inferen hakim bicara bahawa dadah tersebut adalah untuk diedarkan dan bukanlah untuk kegunaan kedua-dua perayu sendiri adalah bertepatan dengan fakta dan keterangan yang ada di hadapannya. Inferen yang dibuat oleh hakim bicara adalah tidak melanggar larangan mengenai anggapan berganda (double presumption). Inferen yang dibuat oleh hakim bicara daripada fakta dan keterangan yang dikemukakan adalah berbeza dari anggapan yang diperuntukkan oleh undang-undang. Ianya adalah dua perkara yang berbeza. Tiada merit di dalam hujahan peguam terpelajar mengenai isu ini. (perenggan 33)

***English** Translation Of Headnotes*

Both the accused persons (appellants) were brought before the court on the charge of trafficking in dangerous drugs with a common intention, an offence under s. 39B(1) Dangerous Drugs

Act 1952. According to the prosecution, on 2 May 2008, at 1am, SP5, while heading a team of police officers, had seen a Toyota Wish driven by the second appellant with the first appellant seated in the front passenger seat, stopping near the KFC and Pizza Hut Building in Metro Prima Kepong. A Proton Perdana driven by two men had stopped right behind the said Toyota Wish. The first appellant was then seen heading in the direction of the Proton Perdana, where the first appellant had taken something from the passenger side of the Proton Perdana through the passenger window that had been wound down. The first appellant had then walked back in the direction of the Toyota Wish carrying a black and white plastic bag in his hand, while the Proton Perdana had reversed and driven off. SP5 had then instructed a raid to be done and had successfully detained the Toyota Wish along with the two appellants, but had failed to detain the said Proton Perdana. Upon inspection of the said Toyota Wish, SP5 had found one plastic bag containing four plastic packages one of which was found to contain white powder. Results of the analysis carried out by SP3 showed that the white powder found in all the said four transparent plastic packages contained drug type Ketamine weighing at 3321.7 grams. At the end of the prosecution's case, the court held that both the accused persons were guilty and was convicted of the charge brought against them and had sentenced them to death. Both the appellants appealed and had raised these grounds (i) there was no *prima facie* case against the second appellant because he had merely been the driver of the said Toyota Wish and thus had no knowledge of the contents of the said plastic bag and had absolutely no connection to it; (ii) there was no evidence to show that both the appellants had knowledge of the contents of the plastic bag in question; (iii) there was no evidence of common intention between the two appellants; (iv) the trial judge had failed to fully consider the defence case and (v) the inference made by the trial judge that the said drugs were for trafficking and not for the appellants' own personal use after adopting presumption of knowledge under s. 37(d) Dangerous Drugs Act 1952 was unjust.

Held (dismissing the appellants' appeal; affirming the conviction and sentence)
Per Balia Yusof J delivering the judgment of the court:

(1) The second appellant had driven the said Toyota Wish to the said area and had waited in the said car with the engine running. These were some of the factors that showed there

was an understanding between the second appellant and the first appellant. Based on the circumstances, that was the correct inference. The second appellant was not merely the driver of the said car, and was definitely not a "pemandu pasif." The trial judge was correct in dismissing the appellant's submission that he was not involved in the case herein.

(2) The evidence produced clearly showed that the first appellant had taken the plastic bag containing the said drugs from the Proton Perdana and had brought it with him to the Toyota Wish where the second appellant was prepared and waiting. The first appellant was seen physically carrying the said plastic bag and had custody and control over it. There was no defect in the findings of the trial judge. The said trial judge had correctly applied the presumption under s. 37(d) in relation to knowledge.

(3) Both the appellants had acted 'bersama-sama' in completing the "transaction" of the said drugs. The evidence of the prosecution along with the observation done showed that both the appellants had their own respective roles in perfecting said "transaction." Taking into consideration the facts and the circumstances of the case as well as the behaviour, common intention between both the appellants had been proven. The trial judge had made the correct inference from the facts, the overall situation along with the actions of both the appellants in holding that there was common intention between the both of them.

(4) The trial judge had considered the appellants' defence with the totality of the evidence produced by the prosecution and following the principles founded in the case *Mat v. PP*. The trial judge's rejection of the evidence of the defence was made after evaluating, considering and testing the said evidence with the relevant criteria.

(5) The trial judge's inference that the said drugs were for distribution and not for the appellants' personal use was in accordance with the fact and evidence before him. The inference made by the trial judge did not violate the prohibition on double presumption (anggapan berganda). The inference made by the trial judge from the facts and evidence produced differs from the presumption provided by the law. They are two different matters. There was no merit in the submission by the learned counsel regarding this issue.

Kes-kes yang dirujuk:
Chan King Yu v. PP [2009] 1 CLJ 601 FC ***(dirujuk)***
Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 HC ***(dirujuk)***
Choo Chang Teik & Anor v. PP [1991] 3 CLJ 2387; [1991] 1 CLJ (Rep) 54 SC ***(dibezakan)***
Emmanuel Yaw Teiku v. PP [2006] 3 CLJ 597 FC ***(dirujuk)***
Ganapathy Rengasamy v. PP [1998] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***
Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241 SC ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(dirujuk)***
PP v. Badrulsham Baharom [1987] 1 LNS 72 HC ***(dirujuk)***
PP v. Hoo Chee Keong [1997] 2 CLJ (Supp) 357 HC ***(dirujuk)***
PP v. Phua Keng Tong & Other Appeals [1986] 1 LNS 129 ***(dirujuk)***
Suresh v. State of Uttar Pradesh AIR [2001] SC 1344 ***(dirujuk)***
Warner v. Metropolitan Police Commissioner [1968] 2 All ER 356 ***(dirujuk)***
Wong Nam Loi v. PP [1998] 1 CLJ 37 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, s. 37(d)(da), (g)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak perayu - Gooi Soon Seng; T/n Gooi & Azura
Bagi pihak responden - Najib Zakaria TPR

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur; Perbicaraan Jenayah No: 45-44-2008]

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Balia Yusof H:

[1] Kedua-dua tertuduh (perayu) telah dihadapkan ke mahkamah atas pertuduhan mengedar dadah berbahaya dengan niat bersama dan pertuduhan yang dikenakan terhadap mereka adalah berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama dengan dua orang lagi yang masih bebas, pada 3.5.2008 jam lebih kurang 1.10 pagi, bertempat di hadapan Bangunan Pizza Hut, Jalan Metro Prima 2, dalam Daerah

Sentul, di dalam Bandaraya Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan, bagi mencapai niat bersama telah mengedar dadah berbahaya iaitu Ketamine seberat 3321.7 gram. Oleh itu, kamu telah melakukan kesalahan dibawah seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan yang boleh dihukum dibawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Di akhir kes pendakwaan mahkamah telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh dan kedua-dua mereka telah dipanggil untuk membela diri.

[3] Di akhir perbicaraan mahkamah seterusnya telah memutuskan bahawa kedua-dua tertuduh adalah bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan yang dikenakan dan telah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas kedua-dua tertuduh.

Fakta Kes Pendakwaan

[4] Fakta kes bagi pihak pendakwaan sepertimana yang diperturunkan oleh hakim bicara di dalam alasan penghakimannya menyatakan seperti berikut:

Pada 2.05.2008, jam lebih kurang 12.45 pagi, ASP Ahmad Jefferi bin Abdullah (SP5) hasil dari maklumat yang diterima telah mengetuai sepasukan anggota polis seramai 14 orang yang terlibat dalam satu operasi kegiatan pengedaran dadah, telah membuat pemerhatian di kawasan bangunan KFC dan Pizza Hut di Metro Prima Kepong. Pada jam lebih kurang 1.00 pagi, SP5 melihat sebuah kereta Toyota Wish warna kelabu nombor pendaftaran WPK 1019 yang dipandu oleh tertuduh kedua dan tertuduh pertama duduk di kerusi penumpang hadapan, telah berhenti berhampiran bagunan tersebut, lebih kurang 15 ke 20 meter dari tempat SP5 membuat pemerhatian. Selepas membuat pemerhatian keatas kereta tersebut selama lebih kurang 10 minit, datang sebuah Proton Perdana warna hitam nombor pendaftaran WKF 9914 yang dinaiki oleh 2 orang lelaki dan berhenti betul-betul di belakang kereta Toyota Wish tersebut. SP5 melihat pintu penumpang hadapan kereta Toyota Wish dibuka dan tertuduh pertama turun dan kelihatan berwaspada melihat sekeliling lalu berjalan menuju ke arah pintu penumpang hadapan Proton Perdana tersebut. Cermin pintu penumpang hadapan kereta Proton Perdana tersebut diturunkan dan tertuduh pertama dilihat mengambil sesuatu dari penumpang di dalam Proton Perdana tersebut. Tertuduh pertama kemudiannya berjalan balik ke arah kereta Toyota Wish dengan membawa satu beg plastik warna putih hitam di tangannya, sambil kereta Proton Perdana tersebut berundur dan

beredar dari situ. Pada masa yang sama, SP5 mengarahkan serbuan dibuat dan berjaya menahan kereta Toyota Wish tersebut bersama kedua-dua tertuduh yang berada di dalamnya, tetapi gagal menahan kereta Proton Perdana tersebut.

Dalam pemeriksaan yang dijalankan ke atas kereta Toyota Wish tersebut, SP5 telah menjumpai satu beg plastik warna putih hitam (eksibit P25) di bahagian kaki di tempat tertuduh pertama duduk, hadapan sebelah pemandu. Di dalam beg plastik tersebut, terdapat 4 bungkusan plastik berlabel 'minuman segera' yang berlekap (sealed) yang mana setelah dibuka salah satu dengan cara mengoyak oleh SP5, didapati mengandungi bungkusan plastik lain yang mengandungi serbuk putih yang disyaki sebagai dadah jenis Ketamine. Kedua-dua tertuduh ditangkap dan dibawa ke pejabat SP5 di IPD Sentul.

Empat bungkusan plastik 'minuman segera' yang mengandungi bungkusan berisi serbuk putih disyaki dadah tersebut masing-masing berlabel seperti berikut:

(a) 'CNI SUN-O-VIT' (eksibit P11), didalamnya mengandungi 1 paket plastik lutsinar berisi serbuk putih (eksibit P12),

(b) 'CNI Premix Gold Soya' (eksibit P13), di dalamnya mengandungi 1 paket plastik lutsinar berisi serbuk putih (eksibit P14),

(c) 'Nescafe 3 in 1 with Ginseng' (eksibit P15), didalamnya mengandungi 1 paket plastik aluminium (eksibit P16) mengandungi satu paket plastik lutsinar berisi serbuk putih (eksibit P17),

(d) 'Nescafe 3 in 1 with Soya' (eksibit P18), di dalamnya mengandungi 1 paket plastik aluminium (eksibit P19) mengandungi satu paket plastik lutsinar berisi serbuk putih (eksibit P20)

SP5 dan pegawai penyiasat (SP6) telah membuat penandaan keatas setiap bungkusan yang dirampas dan telah mengecam setiap bungkusan tersebut di mahkamah. SP3 iaitu Ahli Kimia yang menerima setiap bungkusan tersebut dari SP6 pada 7.05.2008 turut mengecam setiap bungkusan tersebut. Selepas selesai analisa oleh SP3, semua bungkusan tersebut telah diserahkan semula oleh SP3 kepada SP6 pada 22.07.2008 bersama Laporan Kimia (eksibit P10). Hasil analisa yang dijalankan oleh SP3 menunjukkan bahawa serbuk putih di dalam kesemua 4 bungkusan plastik lutsinar tersebut mengandungi dadah jenis Ketamine dengan berat bersih 3321.7 gram.

Kes Pembelaan

[5] Kedua-dua tertuduh telah memberi keterangan secara bersumpah tanpa memanggil mana-mana saksi lain.

[6] Bagi pembelaan tertuduh pertama berikut adalah keterangan yang telah dikemukakan oleh tertuduh pertama seperti yang dipetik dari alasan penghakiman hakim bicara:

> Tertuduh pertama pula memberikan keterangan berikut. Beliau telah mengenali tertuduh kedua sejak beberapa tahun apabila tertuduh kedua menjadi pelanggan di kedainya menjual telepon. Menurutnya, pada malam kejadian tertuduh kedua telah datang menjemputnya di kedainya di Seremban dalam jam 7.00 petang hanya untuk bersembang. Mereka berdua selepas habis minum air dan bersembang dengan rakan yang lain, berhajat untuk membeli makanan di KFC, dan secara kebetulan rakan tertuduh kedua yang beliau tidak kenal menelefon minta tertuduh kedua ambil barang tetapi tertuduh kedua telah menyuruhnya mengambil barang yang diberitahu oleh tertuduh kedua mengandungi makanan dan minuman dari kereta Proton Perdana yang berada di belakangnya. Semasa tertuduh pertama keluar dari kereta beliau lihat berwaspada sebab pernah 2 kali dirompak oleh itu beliau takut dirompak. Semasa sampai di kereta Proton Perdana pemandu kereta memberitahu beliau untuk mengambil barang tersebut di kerusi di belakang pemandu. Selepas mengambil bungkusan tersebut, tertuduh pertama menuju balik ke kereta dan masuk ke tempat duduk disebelah pemandu dan selepas masuk dan menutup pintu. Tertuduh pertama tidak bercakap sepatah perkataan dengan 2 orang di dalam kereta Proton Perdana atas alasan tidak kenal. Sejurus masuk kembali di dalam kereta Toyota Wish dan polis membuat serbuan. Menurut tertuduh pertama, selepas masuk ke kereta, beliau telah meletakkan bungkusan tersebut ditempat duduk belakang tanpa sempat membukanya. Menurutnya lagi, empat bungkusan tersebut dalam keadaan baik berseal dan pihak polis telah mengoyakkan bungkusan tersebut di dalam kereta untuk pemeriksaan. Tertuduh pertama menyatakan beliau tidak mengenali Ah Chai dan beliau ke tempat tersebut bersama tertuduh kedua untuk membeli makanan di KFC.

[7] Bagi pembelaan tertuduh kedua, petikan daripada alasan penghakiman hakim bicara menyatakan:

> Pada 3.5.2008 jam lebih kurang 11.00 malam, beliau bersama tertuduh pertama bersiar-siar di sekitar Kepong dengan kereta. Dalam perjalanan pulang mereka terasa lapar dan membuat keputusan untuk pergi membeli makanan secara bungkus (take-

A away) di KFC Kepong. Dalam perjalanan ke sana, beliau menerima panggilan telefon dari kawannya bernama Ah Chai menyatakan beliau ada barang berupa makanan dan minuman untuk dihadiahkan kepadanya (tertuduh kedua). Tertuduh kedua memberitahu Ah Chai beliau akan menunggu Ah Chai di KFC dan meminta Ah Chai menghantar barang tersebut ke sana serta memberitahu butiran kereta yang dinaikinya kepada Ah Chai. Tidak lama selepas kedua-dua tertuduh tiba, Ah Chai pun tiba dengan menaiki kereta Proton Perdana bersama seorang lagi dan menelefon tertuduh kedua memberitahu beliau ada di belakang keretanya dan menyuruh tertuduh kedua datang mengambil barang tersebut. Tertuduh kedua meminta tertuduh pertama untuk pergi mengambil barang tersebut. Selepas tertuduh pertama mengambil barang tersebut, pihak polis menuju ke arah mereka dengan mengacukan pistol dan membuka pintu kereta dan seterusnya memeriksa barang tersebut yang didapati mengandungi dadah. Tertuduh kedua menyatakan tidak tahu samada bungkusan yang dirampas dalam keadaan berseal baik kerana beliau tidak sempat melihat barang yang dibawa oleh tertuduh pertama apabila pihak polis membuat serbuan. Tertuduh kedua menyatakan tidak tahu nama sebenar dan tempat tinggal Ah Chai kerana baru kenal dua hingga tiga bulan dan tidaklah begitu akrab, dan kereta Toyota Wish yang dipandunya adalah dipinjam dari kawannya Ah Foo. Menurut tertuduh kedua juga, semasa ditahan oleh polis, enjin kereta masih dihidupkan kerana keadaan yang panas dan aircond digunakan. Akhir sekali, tertuduh kedua menyatakan Ah Chai telah memberikan hadiah mengandungi dadah untuk menganiayai beliau, namun apakah alasan dan tujuan Ah Chai menganiayai beliau tidak pula dinyatakan. Dalam pemeriksaan balas, tertuduh kedua menafikan pengetahuan beliau akan dadah itu dan menyatakan beliau menjadi terkejut kerana anggota polis yang tidak berpakaian seragam dan berpistol. Beliau juga menafikan tidak cuba melarikan diri kerana telah dikepong. Tertuduh menyatakan memang tidak berniat untuk melarikan diri kerana keretanya diletakkan di tempat masuk di jalan sehala dan bukannya di tempat keluar yang akan menyukarkan usaha melarikan diri jika benar beliau ada niat untuk berbuat demikian.

[8] Di hadapan kami, peguam terpelajar bagi kedua-dua perayu telah mengemukakan alasan-alasan rayuan seperti berikut:

(a) Tiada terdapat kes *prima facie* terhadap perayu kedua (tertuduh kedua) di akhir kes pihak pendakwaan.

(b) Tiada keterangan bagi menunjukkan bahawa kedua-dua perayu mempunyai pengetahuan tentang isi kandungan beg plastik berkenaan.

(c) Tiada keterangan mengenai niat bersama di antara kedua-dua perayu. A

(d) Hakim bicara telah gagal mempertimbangkan kes pembelaan sepenuhnya.

(e) Sabitan yang disandarkan kepada anggapan dan inferen adalah tidak adil dan salah. B

Tiada Kes Prima Facie Terhadap Perayu Kedua (Tertuduh Kedua)

[9] Atas alasan ini, peguam tepelajar menghujahkan bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan terhadap perayu kedua tidak menunjukkan perayu kedua mempunyai jagaan dan kawalan ke atas beg plastik yang mengandungi dadah tersebut. Beliau hanya merupakan pemandu kereta Toyota Wish bernombor WPK 1019 tersebut. Perayu kedua dikatakan tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang kandungan beg plastik tersebut dan langsung tiada apa kaitan dengannya dan tidak seharusnya dipanggil untuk membela diri. C D

[10] Memang tidak dapat dinafikan bahawa perayu kedualah yang memandu kereta Toyota Wish WPK 1019 tersebut. Walau bagaimanapun pengamatan kami tentang keterangan pihak pendakwaan pada keseluruhannya menunjukkan bahawa dengan memandu ke tempat tersebut, menunggu di dalam kereta berkenaan dengan enjin yang tidak dimatikan adalah antara faktor-faktor bagi menunjukkan bahawa di antara perayu kedua dengan perayu pertama terdapat persefahaman. Ini adalah inferensi yang sangat bertepatan dengan keadaan. Perayu kedua tidak merupakan semata-mata sebagai pemandu kereta tersebut. Jauh sekali sebagai 'passive driver' seperti yang dicadangkan. Perlu juga ditekankan di sini bahawa kedua-dua perayu ini telah dituduh secara bersama dengan pertuduhan di bawah s. 34 Kanun Keseksaan iaitu dengan niat bersama. Kami bersetuju dengan hakim bicara dalam mendapati dan menolak dakwaan perayu kedua sebagai tiada terlibat di dalam kes ini. Pada ms. 131 Rekod Rayuan hakim bicara ada menyatakan: E F G H

> Dengan kata lain keterangan bahawa kedua-dua tertuduh di lihat bersama-sama berada di dalam kereta dan apabila datangnya sebuah kereta lagi dan tertuduh pertama keluar dan tertuduh kedua menunggu di dalam kereta adalah cukup niat bersama atas satu perancangan antara kedua-dua tertuduh pada awal diperhatikan hingga diserbu polis. I

Perayu-perayu Tiada Pengetahuan Tentang Isi Kandungan Beg Tersebut

[11] Peguam terpelajar menghujahkan bahawa tidak ada bukti dan tidak mungkin kedua-dua perayu ada mempunyai pengetahuan tentang dadah yang dijumpai di beg plastik berkenaan.

[12] Seperti yang dikatakan di dalam kes *PP v. Hoo Chee Keong* [1997] 2 CLJ (Supp) 357 "Proof of knowledge is very often a matter of inference". (Sila rujuk: *PP v. Badrulsham Baharom* [1987] 1 LNS 72, *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717, *PP v. Phua Keng Tong & Other Appeals* [1986] 1 LNS 129, *Emmanuel Yaw Teiku v. PP* [2006] 3 CLJ 597, *Wong Nam Loi v. PP* [1998] 1 CLJ 37).

[13] Keterangan yang diberikan oleh SP5 mengenai tingkah laku perayu pertama keluar dari kereta Toyota Wish, dilihat berwaspada melihat persekitaran sebelum berjalan ke arah penumpang hadapan kereta Proton Perdana dan mengambil beg plastik mengandungi dadah tersebut menimbulkan inferen pengetahuannya mengenai barang yang diambilnya itu, yang merupakan dadah. Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717 telah menggariskan undang-undang mengenai keterangan berkaitan kelakuan seperti berikut:

> The law relating to evidence of conduct is thus patent. If there is no evidence to show that the conduct is influenced by any fact in issue or relevant fact as required by s. 8 it is admissible as it would then be an equivocal act justifying inferences favourable to the accused being drawn. If it satisfies the requirement of s 8 it is admissible. It must be observed that the degree of proof required to establish evidence of conduct would depend on the nature of the conduct. Conduct like the flight of an accused is a more positive act and is easily established. On the other hand conduct like the accused looking stunned, nervous, scared or frightened is very often a matter of perception and more detailed evidence may be required. Once admitted the court cannot resort to any other explanation for the conduct or draw inferences on its own accord to render it inadmissible. The onus is on the accused to explain his conduct pursuant to s. 9. Such explanation must not be in their barest possible form, but with a reasonable fullness of detail and circumstance (see *R v. Stephenson* [1904] 68 JP 524). The onus may be discharged even in the course of the case for the prosecution, for example, by way of cross-examination of relevant witnesses. It not so done it can be discharged only at the defence stage. However, the evidence

admissible under the section must be confined to what is necessary for the purposes enumerated. Illustration (c) to s 9 explains the operation of this principle. It provides that when A is accused of a crime the fact that soon after the commission of the crime he absconded from his house is relevant. But the fact that at the time when he left home he had sudden and urgent business at the place to which he went, is relevant, as tending to explain the fact that he left home suddenly. The details of the business on which he left, however, are not relevant, except in so far as they are necessary to show that the business was sudden and urgent. If the explanation is accepted by the court then the inference arising from the conduct is rebutted. If it is not accepted or if the accused does not explain his conduct the inference remains unrebutted.

[14] Keterangan yang dikemukakan jelas menunjukkan bahawa perayu pertama telah mengambil beg plastik yang berisi dadah tersebut dari kereta Proton Perdana dan membawanya ke dalam kereta Toyota Wish di mana perayu kedua sedang siap sedia menunggu. Perayu pertama telah dilihat secara fizikal membawa beg plastik tersebut dan mempunyai jagaan dan kawalan terhadapnya. Lord Morris di dalam kes *Warner v. Metropolitan Police Commissioner* [1968] 2 All ER 356 ada mengatakan:

If there is assent to the control of a thing, either after having the means of knowledge of what the thing is or contains or being unmindful whether there are means of knowledge or not, then ordinarily there will be possession. If there is some momentary custody of a thing without any knowledge or means of knowledge of what the thing is or contains then, ordinarily, I would suppose that there would not be possession. If, however, someone deliberately assumes control of some package or containers, then I would think that he is in possession of it. If he deliberately so assumes control knowing that it has contents, he would also be in possession of the contents. I cannot think that it would be rational to hold that someone who is in possession of a box which he knows to have things in it is in possession of the box but not in possession of the things in it. If he had been misinformed or misled as to the nature of the contents, or if he had made a wrong surmise as to them, it seems to me that he would nevertheless be in possession of them.

(Sila rujuk juga: *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337).

[15] Dalam pada itu Hakim Thomson juga di dalam kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17; [1956] MLJ 237 pada ms. 239 ada menjelaskan maksud milikan dalam konteks undang-undang jenayah seperti berikut:

> ... there is a physical element and mental element which must both be present before possession is made out. The accused must not only be so situated that it can deal with the thing as if it belonged to him, for example have it in his pocket or have it lying in front of him on a table. It must also be shown that he has the intention of dealing with it as if it belonged to him should he see any occasion to do so, in other words, he had some animus possidendi. Intention is a matter of fact which in the nature of things cannot be proved by direct evidence. It can only be proved by inference from the surrounding circumstances ...

[16] Petikan tersebut menegaskan elemen-elemen pembuktian milikan dan setelah kami amati keterangan yang dikemukakan terhadap perayu-perayu di dalam kes ini, kami mendapati tidak terdapat apa-apa kecacatan tentang penemuan dan dapatan yang telah diputuskan oleh hakim bicara. Hakim bicara berkenaan telah dengan secara bertepatan mengguna pakai anggapan di bawah s. 37(d) berkaitan dengan pengetahuan. Kami menolak hujahan peguam terpelajar mengenai isu pengetahuan perayu-perayu berkenaan dengan dadah yang dijumpai.

Niat Bersama

[17] Prinsip undang-undang mengenai niat bersama di bawah s. 34 Kanun Keseksaan telah dijelaskan oleh Sathi J di dalam *Suresh v. State of Uttar Pradesh* AIR [2001] SC 1344:

> Section 34 of the Indian Penal Code recognises the principle of vicarious liability in the criminal jurisprudence. It makes a person liable for action of an offence not committed by him but by another person with whom he shared the common intention. It is a rule of evidence and does not create a substantive offence. The section gives statutory recognition to the common sense principle that if more than two persons intentionally do a thing jointly, it is just the same as if each of them had done it individually. There is no gain saying that a common intention pre-supposes prior concert, which requires a pre-arranged plan of the accused participating in an offence. Such a pre-concert or pre-planning may develop on the spot or during the course of commission of the offence but the crucial test is that such plan must precede the act constituting an offence. Common intention can be formed

previously or in the course of occurrence and on a spur of moment. The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case.

[18] Di dalam kes Mahkamah Agong *Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases* [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241. Syed Agil Barakbah SCJ pada ms. 252 menyatakan:

Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused. (The Supreme Court (of India) on Criminal Law 1950-1960 by JK Soonavala page 188 to 193).

[19] Pengamatan kami kepada keterangan yang membabitkan kedua-dua perayu adalah jelas menunjukkan bahawa kedua-dua perayu telah bertindak "in concert" dalam menyempurnakan "transaksi" dadah tersebut. Keterangan pihak pendakwaan berkenaan dengan pemerhatian yang dilakukan menunjukkan kedua-dua perayu mempunyai peranannya masing-masing dalam menyempurnakan "transaksi" tersebut. Seperti yang kami katakan seketika tadi, perayu kedua bukanlah merupakan "passive driver" bahkan lebih dari itu. Mengambil kira keseluruhan fakta dan keadaan kes berserta dengan tingkah laku, niat bersama di antara kedua-dua mereka telah dibuktikan. Kami mendapati hakim bicara telah membuat inferen yang tepat daripada fakta, keadaan keseluruhan serta tingkah laku kedua-dua perayu dalam mencapai keputusan terdapatnya niat bersama di antara mereka. Dengan ini kami menolak hujahan peguam terpelajar mengenai tiadanya niat bersama di antara perayu pertama dan perayu kedua.

Hakim Bicara Gagal Mempertimbangkan Kes Pembelaan Sepenuhnya

[20] Peguam terpelajar selanjutnya berhujah bahawa hakim perbicaraan telah gagal untuk memberikan pertimbangan yang sepenuhnya kepada pembelaan. Peguam terpelajar kurang senang apabila hakim bicara menyatakan "mahkamah menolak keterangan mereka dan memutuskan sebagai rekaan semata-mata". Peguam terpelajar juga menghujahkan hakim bicara telah menggunakan ujian atau beban yang salah apabila beliau tidak mempercayai pembelaan perayu-perayu. Mengikut peguam terpelajar keterangan perayu-

perayu hendaklah diteliti bukan mengikut kebolehpercayaan tetapi samada keterangan perayu-perayu telah menimbulkan keraguan yang munasabah.

[21] Kami tidak bersetuju dengan hujahan peguam terpelajar tersebut. Di dalam penghakimannya, hakim bicara telah dengan tepatnya menimbangkan keterangan perayu-perayu mengikut prinsip undang-undang seperti yang telah diputuskan di dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82 dan *Chan King Yu v. PP* [2009] 1 CLJ 601 dengan memetik kata-kata berikut:

> It is trite law that even if the court does not believe the accused's explanation but nevertheless it raises a reasonable doubt as to his guilt then he should be acquitted.

[22] Pendekatan dan ujian yang diikuti oleh hakim bicara dalam menimbangkan keterangan pembelaan adalah bertepatan dengan prinsip undang-undang. Mahkamah hendaklah menimbangkan samada penjelasan itu mungkin semunasabahnya benar walaupun tidak mempercayai kebenarannya. Jika penjelasan itu diterima, tertuduh hendaklah dibebaskan. Namun, seseorang tertuduh itu hendaklah juga dibebaskan jika penjelasannya mencukupi untuk menimbulkan keraguan atas kebersalahannya. (Lihat juga *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311, *Ganapathy Rengasamy v. PP* [1998] 2 CLJ 1).

[23] Peguam perayu-perayu juga menghujahkan dan membangkitkan perkara-perkara berikut:

(a) Perayu pertama telah ditangkap sebaik sahaja di masuk ke dalam kereta Toyota Wish dan tidak berkesempatan untuk memeriksa kandungan beg plastik tersebut.

(b) Keterangan menunjukkan bahawa bungkusan dadah tersebut adalah berseal dan isi kandungan tidak dapat dilihat.

(c) Tiada terdapat kesan cap jari atau profail DNA perayu pertama pada bungkusan dadah tersebut.

(d) Orang yang memberikan beg plastik yang mengandungi dadah tersebut tidak ditangkap dan dipanggil sebagai saksi, dan

(e) Tiada terdapat alasan yang kuat diberikan oleh pihak pendakwaan mengapa orang yang memberikan beg plastik tersebut boleh lari dari tangkapan.

[24] Di atas perkara-perkara yang disebutkan, peguam terpelajar telah menghujahkan bahawa anggapan pengetahuan dan "*mens rea* possession" ke atas perayu-perayu telah disangkal.

[25] Pada hemat kami perkara-perkara yang dibangkitkan itu tidak mengubah dan menjejaskan kes pihak pendakwaan. Isu pengetahuan perayu-perayu terhadap isi kandungan beg plastik tersebut telah diperjelaskan sebelum ini dan ketiadaan cap jari perayu pada bungkusan plastik itu juga tidak melemahkan kes pendakwaan. Dalam masa yang sama ianya juga tidak dapat membantu pihak pembelaan untuk menyangkal elemen pengetahuan dan "*mens rea* possession" seperti yang dihujahkan. Hakim bicara di dalam mencapai keputusannya telah meneliti secara terperinci keseluruhan fakta dan keterangan yang ada. Dalam mencapai keputusannya kami mendapati dan berpuashati hakim bicara telah menimbangkan pembelaan perayu-perayu dengan keseluruhan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan. Kami berpuashati beliau telah mengikut prinsip yang diasaskan di dalam kes *Mat v. PP* di dalam meneliti dan menilai keterangan pihak pembelaan. Penolakan oleh hakim bicara keterangan pembelaan telah dibuat setelah menilai, menimbang dan menguji keterangan-keterangan tersebut dengan kriteria-kriteria yang relevan.

Sabitan Berasaskan Anggapan Dan Inferens

[26] Peguam terpelajar selanjutnya berhujah bahawa inferen yang dibuat oleh hakim bicara bahawa dadah tersebut adalah untuk diedarkan dan bukan untuk kegunaan kedua-dua perayu sendiri setelah menerima pakai anggapan tentang pengetahuan di bawah s. 37(d) Akta Dadah Merbahaya 1952 adalah tidak adil dan merujuk kepada ingatan yang diberikan oleh Mahkamah Agong di dalam kes *Choo Chang Teik & Anor v. PP* [1991] 3 CLJ 2387; [1991] 1 CLJ (Rep) 54.

[27] Pada ms. 59 laporan tersebut Mohd Yusof Mohamad SCJ mengatakan:

> ... we feel that in offences involving capital punishment such as trafficking in drugs, evidence by inference alone was not sufficient to base a conviction of the appellant without some proof of element of control.

[28] Peguam terpelajar berhujah sabitan ke atas kedua-dua perayu yang berdasarkan inferen dan anggapan tidak harus dibenarkan oleh pihak mahkamah kerana ianya adalah tidak adil sama seperti penggunaan "double presumption."

[29] Pada pandangan kami, rujukan kepada kes *Choo Chang Teik & Anor v. PP* yang mengandungi petikan dari penghakiman Mohd Yusof Mohamad SCJ tersebut adalah tidak bertepatan. Fakta-fakta kes tersebut sangat jauh berbeza dengan fakta dan keterangan dengan kes rayuan ini.

[30] Di dalam kes berkenaan fakta kes menujukkan bahawa pada 6 November 1985 satu rombongan polis yang di ketuai oleh Inspektor Amarjit Singh telah membuat intipan ke atas sebuah rumah dua tingkat di Cheras. Pada jam 6 petang beliau melihat dua buah kereta singgah di rumah tersebut. Salah satu dari kereta tersebut dipandu oleh seorang bernama Tan Soon Hock bersama dengan tertuduh kedua di sebelahnya. Semasa Tan Soon Hock dan tertuduh kedua memasuki rumah tersebut tertuduh pertama telah dilihat membawa sesuatu yang berat yang dikeluarkan dari boot kereta yang dipandunya dan membawa barang tersebut ke dalam rumah berkenaan. Pada jam 6.15 petang pasukan polis telah menyerbu rumah tersebut dengan memecah masuk melalui pintu rumah yang berkunci dengan menggunakan 'crow bar'. Tertuduh pertama dilihat sedang berjalan ke arah dapur rumah. Apabila menyedari polis datang, tertuduh pertama telah lari dan telah ditangkap kemudian selepas dikejar oleh pihak polis. Sepasukan polis lagi yang naik ke tingkat atas rumah tersebut telah melihat Tan Soon Hock dan tertuduh kedua berada di dalam bilik tidur utama. Apabila pasukan polis menjerit "Polis" kedua-dua mereka telah lari ke arah balkoni dan tertuduh kedua telah melompat keluar melalui tingkap tetapi telah berjaya ditangkap kemudiannya. Tan Soon Hock walau bagaimanapun telah ditangkap di dalam bilik tidur utama tersebut. Di dalam bilik air di bilik tidur utama tersebut Inspektor Amarjit Singh telah menjumpai satu beg tersorok yang di dalamnya didapati mengandungi dadah berbahaya, jenis heroin. Tan Soon Hock dan tertuduh pertama dan kedua telah dituduh bersama tetapi Tan Soon Hock telah meninggal dunia semasa dalam tahanan.

[31] Di atas fakta-fakta tersebut kedua-dua tertuduh telah dipanggil untuk membela diri atas dapatan hakim bicara anggapan di bawah s. 37(da) dan (g) Akta Dadah Merbahaya terpakai. Di peringkat rayuan, Mahkamah Agong telah membenarkan rayuan kedua-dua tertuduh dan di antara lain hakim yang bijaksana tersebut telah mengeluarkan kata-kata dan ingatan yang dirujuk oleh peguam terpelajar dalam rayuan ini.

[32] Seperti yang kami jelaskan, fakta kes tersebut adalah amat jauh berbeza dengan rayuan perayu-perayu sekarang ini. Hakim bicara berpuashati terdapatnya jagaan dan kawalan dan seterusnya menggunapakai anggapan di bawah s. 37(d) di dalam rayuan ini sedangkan elemen jagaan dan kawalan di dalam kes yang dirujukan adalah didapati melalui anggapan. Semasa kes tersebut diputuskan "double presumption" masih lagi terpakai iaitu dalam era pra *Mohamed Hassan v. PP*. Di dalam kes tersebut sabitan telah dibuat dengan berasaskan semata-mata kepada anggapan-anggapan di bawah s. 37(da) dan (g).

[33] Hakim bicara telah membuat inferen dari fakta-fakta dan keterangan yang dikemukakan bahawa dadah tersebut adalah untuk diedarkan dan bukanlah untuk kegunaan kedua-dua perayu sendiri. Kami berpendapat inferen tersebut adalah bertepatan dengan fakta dan keterangan yang ada di hadapannya. Inferen yang dibuat oleh hakim bicara adalah tidak melanggar larangan mengenai anggapan berganda (double presumption). Inferen yang dibuat oleh hakim bicara daripada fakta dan keterangan yang dikemukakan adalah berbeza dari anggapan yang diperuntukkan oleh undang-undang. Ianya adalah dua perkara yang berbeza. Kami memutuskan tiada merit di dalam hujahan peguam terpelajar mengenai isu ini.

[34] Atas alasan yang dinyatakan di atas, kami dengan sebulat suara menolak rayuan kedua-dua perayu dan mengesahkan sabitan dan hukuman yang dijatuhkan.